

No. Rujukan Tuan : KEMUDI(A)/3/24/FA
No. Rujukan Kami : TNB(B) TERE/KEMA.02672-25

Tarikh : 7 Januari 2025

Jurutera Perunding LC Sdn.Bhd
130C Jalan Thamby Abdullah
Brickfields
50470 Kuala Lumpur

Tuan,

**PERAKUAN PENERIMAAN PERMOHONAN BEKALAN ELEKTRIK YANG
LENGKAP KE:**

**BEKALAN ELEKTRIK KE 22 UNIT RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT DAN 56 UNIT RUMAH BERKEMBAR 1 TINGKAT DI ATAS TANAH KERAJAAN SELUAS 54.43 EKAR, KAWASAN BAROH MAK CHILI (JALAN CUKAI/IBOK), DAERAH KEMAMAN, TERENGGANU DARUL IMAN
- Permohonan Bekalan Elektrik.**

Sukacita dimaklumkan kepada pihak tuan bahawa permohonan bekalan di atas telah didaftarkan di pejabat kami dengan nombor rujukan TNB(B) TERE/KEMA.02672-25. Sila pihak tuan menggunakan nombor rujukan ini dalam urusan permohonan bekalan dengan pihak kami.

2. Bersama-sama ini juga dilampirkan Maklumat Am Proses Permohonan Bekalan untuk rujukan dan tindakan pihak tuan.
4. Pihak TNB mengalu-alukan kesudian pihak tuan berurusan dengan pihak kami. Dengan kerjasama ini diharap bekalan elektrik dapat diberikan pada masa yang dipersetujui bersama dan seterusnya meningkatkan mutu perkhidmatan kami kepada pengguna.

Sekian, terima kasih.

“ BETTER. BRIGHTER ”

This is a computer generated letter. No signature is required

ENGR-5002-PSI



MAKLUMAT AM

1. PERMOHONAN

- 1.1. Untuk projek yang melibatkan Kehendak Maksima melebihi 100kVA, pihak pemaju perlu mendapatkan khidmat Jurutera Perunding Elektrik yang berdaftar untuk menguruskan proses permohonan bekalan ke premis / tapak pembangunan dengan pihak TNB. Sebagai panduan, pemohon boleh merujuk "Electricity Supply Application Handbook" edisi terkini yang dikeluarkan oleh TNB.
- 1.2. Jurutera Perunding Elektrik perlu menyediakan perkara-perkara berikut:
 - Alamat pemasangan dan premis.
Nama dan alamat Pemaju dan Jurutera Perunding,
 - Jenis Premis (Domestik, Komersil, Industri) & Tahap Voltan (LV, 11kV, 33kV & 132kV).
 - Tarikh sasaran bekalan diperlukan.
 - Maklumat Jumlah Beban Tersambung (kW TCL) dan Kehendak Maksima (kWMD).
 - Cara perjangkaan (1 fasa, 3 fasa, Alatubah arus (CT) meter).
- 1.3. Jurutera Perunding Elektrik yang dilantik perlu mengemukakan pelan-pelan seperti berikut:
 - Pelan lokasi tapak pembangunan (Master Development/Layout Plan).
 - Pelan susunatur berskala untuk pembangunan lot dan cadangan tapak pencawang (Site Plan/Proposed substation sites)
 - Pelan pandangan hadapan bangunan bagi permohonan melalui Perjangkaan arus terus yang menunjukkan cadangan lokasi jangka.
 - Pelan Susun Atur Bangunan Pencawang (Certified by C&S Consultant).
 - Pelan cadangan kedudukan bilik suis pengguna.
 - Skematik cadangan pendawaian elektrik.
 - Pelan tapak pencawang elektrik mestilah disediakan oleh Juruukur yang berlesen.
 - Kedudukan tapak pencawang, tapak peti pembekal (feeder pillar), cadangan laluan kabel dan tiang hendaklah ditandakan dengan jelas dalam pelan.
 - Semua tapak pembangunan, tapak pencawang elektrik dan tapak peti pembekal hendaklah berada di luar kawasan rentis talian penghantaran Tenaga Nasional Berhad. Pembangunan yang terlibat dalam rentis talian penghantaran perlu diubah atau dirombak dan kosnya perlu ditanggung oleh pihak pemohon/pemaju.
- 1.4. Sebarang surat menyurat perlulah menggunakan Nombor dan Nama Projek seperti tajuk di atas bagi memudahkan urusan dan rujukan.
- 1.5. Adalah dimaklumkan bahawa bekalan hanya boleh diberi dalam masa 6 – 12 bulan selepas semua dokumen teknikal telah diluluskan oleh pihak TNB.

2. KEMAJUAN PEMBANGUNAN DAN PENCAWANG DI TAPAK

- 2.1 Pihak Jurutera Perunding Elektrik perlu memaklumkan **status kemajuan kerja-**

kerja tapak dan pembinaan Pencawang Elektrik TNB berserta gambar kemajuan di tapak dari masa ke semasa terutama projek yang telah berubah tarikh sasaran dan projek yang telah melebihi 50% kemajuan.

- 2.2 Pemaju adalah dinasihatkan supaya menyiapkan bangunan pencawang elektrik dan infrastruktur yang lain terutamanya laluan masuk ke tapak projek untuk mengelakkan kelewatan memberi bekalan elektrik. Ini akan membolehkan TNB untuk menjadualkan proses kebenaran izin laluan kabel (pemotongan terbuka atau HDD) daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan yang berkaitan.

3. PENYERAHAN TAPAK & BANGUNAN PENCAWANG

- 3.1 Pagar (fence) untuk pencawang elektrik /stesen suis bersendirian boleh dikecualikan dan diganti dengan Concrete Kerb 150mm (lebar) x 450mm (tinggi) untuk menandakan tapak pencawang. Pintu pagar pencawang elektrik / stesen suis diganti dengan removable barriers supaya jalan masuk ke pencawang elektrik tidak terhalang.
- 3.2 Bangunan Pencawang Elektrik perlulah **dibina** oleh pihak pemohon/pemaju dengan menyediakan peparit untuk laluan kabel voltan tinggi, voltan rendah, perkakasis dan sistem pembumian pencawang mengikut spesifikasi yang telah diluluskan oleh TNB. Peparit perlu diisi dengan pasir oleh pihak pemaju selepas pencawang elektrik dimulatugaskan. Bangunan Pencawang Elektrik perlu dicat dengan warna sesuai dengan keadaan sekeliling. Contoh pelan bangunan Pencawang Elektrik boleh diperolehi dari Pejabat TNB/Buku Electricity Supply Application Handbook. **Senarai Semak Penyerahan Bangunan Pencawang (Pemaju Kepada TNB) Civil & Elektrikal seperti dalam Lampiran 1&2** perlu dipatuhi.
- 3.3 Bangunan Pencawang Elektrik berkenaan mestilah **diserahkan** kepada TNB dalam tempoh 4 hingga 6 bulan sebelum bekalan elektrik diperlukan. Jika pihak pemohon/pemaju kurang jelas dengan keterangan di atas, sila hubungi TNB untuk keterangan lanjut.
- 3.4 Sekiranya bekalan elektrik diperlukan sebelum urusan pajakan/pindahmilik tanah tapak pencawang selesai dilaksanakan, pemaju/pemilik tanah dikehendaki mengadakan satu Jaminan Bank berharga RM20,000.00 atas nama TNB sebelum penyerahan bangunan pencawang kepada pihak TNB. Pemaju/pemilik tanah perlulah memperbaharui Jaminan Bank itu sehingga urusan tanah selesai.
- 3.5 Untuk pencawang elektrik bersambung (attached), sistem pemadam kebakaran perlu disediakan oleh pemaju dan merujuk kepada ENGR – 5201 – PSI Maklumat Am Sistem Pemadam Kebakaran

Kerja-kerja senggaraan perlu dijalankan oleh pemilik bangunan mengikut Standard NFPA:2001 dan ISO 14520

4. LAIN-LAIN PEPASANGAN

- 4.1 Bilik "Main Switchroom" pengguna hendaklah bersebelahan dengan Pencawang Elektrik atau di lokasi yang telah dipersetujui oleh TNB. Pemaju juga perlu menyediakan "cable trenching" yang bersesuaian dari Pencawang TNB ke Bilik "Main Switchroom" dan panel jangka.
- 4.2 Pemaju perlu melantik sendiri Kontraktor Elektrik untuk pendawaian di dalam premis.
- 4.3 Perunding perlu menyediakan cadangan tahanan geganti (protection setting) untuk kelulusan TNB dan seterusnya memajukan keputusan ujian (test result).
- 4.4 Pihak pemohon/pemaju perlu memastikan **papan jangka** diletak bertentangan dengan pintu masuk utama (pagar) ataupun di tempat yang tidak menghalang pandangan. Ketinggian sistem perjangkaan arus penuh papan jangka adalah di ketinggian 1.65 meter

dari aras lantai ke bahagian atas jangka bagi jangka dipasang pada dinding, manakala jangka yang dipasang pada "gate post" adalah pada ketinggian antara 1.2m sehingga 1.5m dari aras lantai.

- 4.5 Berdasarkan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 - Peraturan 110(2) - Subperaturan (1), Akta Bangunan & Harta Bersama (Penyenggaraan & Pengurusan) 2007 dan Akta Hakmilik Strata 1985: Jadual 3, perkara 5(c) serta Kontrak Bekalan Elektrik: Pemasangan sesalur sisi dan sesalur meningkat (riser) adalah di bawah bidangkuasa atau tanggungjawab Badan Pengurusan Bersama atau Perbadanan Pengurusan.

5. CAS SAMBUNGAN

5.1 Panduan kiraan Cas Sambungan Pengguna, pemaju boleh merujuk kepada buku

Kenyataan Cas Sambungan yang dikeluarkan oleh TNB.

5.2 Sekiranya terdapat sebarang **keperluan ciri-ciri khas (special features)** ianya perlu ditanggung oleh pemohon/pemaju dan akan dibilkan ke dalam bil cas sambungan.

6. PERLAKSANAAN KERJA DI TAPAK

6.1 TNB hanya akan memulakan kerja-kerja setelah perkara berikut dipatuhi:-

- Cas Sambungan telah dijelaskan
- Pencawang Siap 100% dan dibuat penyerahan
- Tapak projek telah sedia dan boleh dimasuki
- Jaminan Bank diserahkan (sekiranya perlu)

6.2 Anggaran jangkamasa proses memberi bekalan mengambil masa minima 6 bulan bergantung kepada infrastruktur elektrik yang diperlukan.

7. BORANG PERMOHONAN BEKALAN ELEKTRIK (BORANG A)

7.1 Hanya kontraktor elektrik yang berdaftar dan dilantik oleh pemaju akan menguruskan Borang Permohonan Bekalan Elektrik (Borang A) kepada bahagian Kaunter Perkhidmatan Pengguna.

7.2 Tempoh sah laku borang tersebut ialah setahun.